



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

## **KOD NILAI DAN ETIKA STAF USIM**

Cetakan Keempat 2026  
Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan oleh:  
Pejabat Integriti  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan

## PERUTUSAN NAIB CANSOLOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Buku Kod Nilai dan Etika Staf Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini berjaya diterbitkan sebagai panduan rasmi kepada seluruh warga Universiti.

Penerbitan dokumen ini merupakan satu usaha penting dalam memperkukuh budaya kerja berteraskan nilai, integriti dan profesionalisme dalam kalangan staf USIM. Seiring dengan aspirasi Universiti untuk menjadi institusi pendidikan tinggi Sains Islam yang ulung, pembentukan sahsiah dan jati diri warga kerja yang beretika tinggi adalah menjadi keutamaan.

Kod Nilai dan Etika ini bukan sekadar dokumen rujukan, malah merupakan kompas yang memandu setiap warga USIM dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh kejujuran, ketelusan dan akauntabiliti. Nilai Teras Al-Qawiyy Al-Amin yang digariskan menjadi asas dalam memperkasakan budaya kerja cemerlang yang mampu menyokong kecemerlangan Universiti di peringkat nasional dan global.

Saya amat yakin bahawa penghayatan dan pengamalan nilai-nilai yang terkandung dalam dokumen ini akan dapat memperkukuh tadbir urus Universiti serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada semua pihak berkepentingan. Dalam masa yang sama, ia turut berperanan dalam membentuk persekitaran kerja yang harmoni, berintegriti dan berdaya saing.

Sehubungan itu, saya menyeru seluruh warga USIM agar bersama-sama menghayati, mengamalkan dan mematuhi segala prinsip serta garis panduan yang telah ditetapkan dalam buku Kod Nilai dan Etika ini secara konsisten dan berterusan. Komitmen padu daripada setiap individu adalah kunci utama dalam memastikan pembudayaan integriti dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berimpak tinggi.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan buku ini. Semoga usaha murni ini diberkati Allah SWT dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan berterusan Universiti Sains Islam Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**PROFESOR DATO' TS. DR. SHARIFUDIN MD SHAARANI**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**

## KANDUNGAN

1. PROFIL KORPORAT	1
2. HASRAT UNIVERSITI	1
3. HARAPAN UNIVERSITI TERHADAP STAF	2
4. PENGENALAN KOD NILAI DAN ETIKA STAF	4
5. NILAI TERAS USIM (AL-QAWIYY AL-AMIN)	5
6. NILAI KEMBANGAN USIM (BUDAYA KERJA <i>HO-REN-SO KIZUNA</i> )	10
7. ETIKA PELAKSANAAN TUGAS	11
8. KOMITMEN WARGA USIM	16
9. PENUTUP	20
10. PENGHARGAAN	21

## 1. PROFIL KORPORAT

### **Moto**

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

### **Falsafah**

Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

### **Visi**

Institusi pendidikan tinggi Sains Islam Ulung.

### **Misi**

Menghasilkan ilmuwan, pemimpin dan profesional yang kompeten berasaskan tradisi keilmuan Islam, nilai-nilai luhur agama dan budaya demi kesejahteraan sejagat.

### **Definisi Sains Islam**

Ilmu yang berpaksikan Epistemologi Tauhidik demi manfaat sejagat.

### **Objektif**

- i. Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- ii. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
- iii. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara.
- iv. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- v. Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

## 2. HASRAT UNIVERSITI

### **2.1 SENTIASA RELEVAN DENGAN KEPERLUAN SEMASA**

Universiti berhasrat untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan Ilmu yang relevan dengan keperluan masyarakat sama ada peringkat tempatan mahu pun global. Matlamat Universiti pada masa ini bukan sekadar bersifat tradisional iaitu hanya mengeluarkan graduan saban tahun tetapi menjadi institusi pengajian tinggi yang menyumbang kepada pembinaan tamadun dan sahsiah mulia generasi pewarisnya.

## **2.2 MAPAN DALAM MENGHADAPI ARUS PENDIDIKAN PERDANA PADA PERINGKAT GLOBAL**

Universiti bertekad untuk menghadapi arus pendidikan perdana pada peringkat global dengan strategi-strategi yang berteraskan kesepaduan antara ilmu naqli dan aqli. Usaha memperkukuhkan program-program pengajian sedia ada di samping program-program baharu yang relevan dengan keperluan semasa akan terus diberikan perhatian serius oleh Pengurusan Universiti.

## **2.3 MELETAKKAN UNIVERSITI SEBAGAI YANG TERBAIK DALAM DISIPLIN ILMUNYA**

Usaha menjadikan Universiti sebagai institusi ilmu yang ulung dalam bidangnya menjadi matlamat utama dalam perancangan halatuju masa depan Universiti. Sesebuah universiti yang terkenal dalam disiplin ilmunya mampu membentuk citra akademik tersendiri. Universiti berhasrat untuk mempunyai ceruk (*niche*) yang istimewa melalui gabungan ilmu-ilmu naqli dan aqli. Langkah ini akan menjadikan program-program pengajian di Universiti dibentuk melalui falsafah pendidikan yang seimbang antara dunia dan akhirat.

## **2.4 MENJADIKAN TADBIR URUS BERINTEGRITI SEBAGAI BUDAYA KERJA DAN KOMITMEN BERTERUSAN**

Seiring dengan keperluan untuk kekal berdaya saing, Universiti perlu terus memperkukuh sistem pengurusan yang berteraskan integriti, ketelusan dan akauntabiliti bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan serta pihak berkepentingan. Bagi merealisasikan hasrat ini, penerapan nilai-nilai murni yang membentuk budaya kerja positif serta pematuhan kepada prinsip etika yang tinggi hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh oleh semua staf.

## **2.5 MENYEDIAKAN FASILITI YANG BERKUALITI DAN MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG SELAMAT DAN KONDUSIF**

Pihak Pengurusan Universiti memberi penekanan kepada pentingnya menyediakan fasiliti yang berkualiti dan mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif kepada semua warga dan pelanggannya. Ini penting bagi memastikan mutu perkhidmatan yang bakal diberikan adalah yang terbaik, berkualiti dan menggunakan teknologi terkini.

# **3. HARAPAN UNIVERSITI TERHADAP STAF**

## **3.1 MEMAHAMI DAN MENGHAYATI MATLAMAT SERTA OBJEKTIF UNIVERSITI**

Kefahaman mengenai matlamat dan objektif Universiti adalah penting untuk menjadi warga kerja yang dapat menyumbang dan memberi manfaat. Matlamat dan objektif yang ditetapkan akan mudah dicapai melalui sikap yang ikhlas kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Kefahaman terhadap visi, misi dan hala tuju Universiti menjadikn staf lebih komited dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan.

### **3.2 MENJADIKAN INTEGRITI SEBAGAI BUDAYA KERJA**

Setiap staf hendaklah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah, telus dan berakuntabiliti dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti demi kemajuan Universiti. Amanah dalam melaksanakan tanggungjawab tidak bermaksud menyempurnakan tugas dengan baik sahaja, tetapi menyempurnakan amanah kepada Allah S.W.T. Usaha membudayakan integriti dan tadbir urus yang baik merupakan tanggungjawab bersama dan perlu dilaksanakan secara konsisten serta berterusan di semua peringkat organisasi. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan pematuhan kepada peraturan, malah merangkumi pembentukan sikap, tingkah laku dan budaya kerja yang beretika. Komitmen berterusan daripada seluruh warga universiti adalah penting dalam memastikan usaha ini menjadi amalan yang berkesan serta menyumbang kepada penambahbaikan organisasi secara berterusan.

### **3.3 MENJADI WARGA KERJA YANG BERPENGETAHUAN LUAS, PAKAR DALAM BIDANG TUGAS DAN MENGHAYATI NILAI MURNI**

Adalah penting bagi Universiti memiliki tenaga kerja yang berkualiti merangkumi aspek ilmu pengetahuan, kepakaran dalam bidang tugasnya dan menghayati nilai-nilai murni. Warga kerja yang berkualiti akan membentuk budaya kerja yang cemerlang. Penerapan nilai yang mementingkan kecemerlangan pada budaya kerja dan pengurusan organisasi harus meliputi pemikiran serta tindakan setiap individu.

### **3.4 MENJAGA NAMA BAIK DAN IMEJ UNIVERSITI PADA SETIAP MASA**

Setiap staf merupakan duta Universiti yang sentiasa membawa nama dan reputasi institusi dalam apa jua keadaan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap staf untuk memelihara dan mempertahankan nama baik serta imej Universiti sebagai lambang kredibiliti dan kehormatan organisasi. Staf hendaklah sentiasa berpegang kepada nilai profesionalisme dengan menjaga keperibadian, tingkah laku dan keterampilan diri pada setiap masa, sama ada di dalam atau di luar tempat kerja. Setiap staf juga perlu mengelakkan sebarang perlakuan yang boleh menjejaskan reputasi Universiti, selaras dengan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai warga institusi ini.

### **3.5 BERUSAHA MEMAJUKAN DIRI MELALUI PENINGKATAN PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN KEMAHIRAN SECARA BERTERUSAN**

Setiap staf hendaklah berusaha memperkukuhkan sahsiah diri bagi membentuk peribadi yang positif, kreatif, bermotivasi tinggi serta berinisiatif dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan. Keupayaan ini penting bagi memastikan matlamat organisasi dapat dicapai dengan berkesan. Staf disarankan untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan, latihan dan kemahiran yang relevan bagi menyokong pembangunan kerjaya dan peningkatan prestasi kerja. Usaha ke arah pemajuan diri ini merupakan suatu proses pembelajaran berterusan dan pengkayaan ilmu yang perlu diamalkan sepanjang perkhidmatan.

## 4. PENGENALAN KOD NILAI DAN ETIKA STAF USIM

### 4.1 PENGENALAN

Kod Nilai dan Etika ini diterbitkan sebagai rujukan kepada staf USIM dalam melaksanakan tugas secara profesional berlandaskan nilai murni, etika kerja dan tingkah laku yang terpuji. Kejayaan sesebuah organisasi bukan sekadar bergantung kepada sistem dan teknologi, tetapi turut dipacu oleh keperibadian serta jati diri warga kerjanya. Justeru, penerapan nilai-nilai murni amat penting dalam mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan kondusif.

Kod Nilai dan Etika ini juga disediakan sebagai panduan untuk membuat pertimbangan dan keputusan secara beretika, khususnya dalam situasi yang melibatkan konflik kepentingan, tekanan kerja serta dilema moral. Melalui pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan, setiap staf hendaklah melaksanakan amanah dengan penuh integriti, ketelusan dan akauntabiliti selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik. Penghayatan yang menyeluruh terhadap kod ini juga berperanan dalam meminimumkan risiko salah laku serta memperkukuh keyakinan pihak berkepentingan terhadap USIM.

Sehubungan itu, seluruh warga USIM adalah bertanggungjawab untuk memahami, menghayati dan mematuhi segala nilai serta prinsip yang digariskan dalam dokumen ini secara konsisten dan berterusan. Komitmen padu daripada semua peringkat meliputi Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana, adalah penting dalam memastikan pembudayaan integriti dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan. Usaha ini seterusnya akan menyumbang kepada kecemerlangan organisasi serta memperkukuh reputasi USIM sebagai institusi yang berteraskan nilai, berintegriti dan beretika tinggi.

### 4.2 TUJUAN

Tujuan penyediaan Kod Nilai dan Etika Staf ini adalah sebagai panduan untuk:

#### 4.2.1 Tadbir Urus dan Pematuhan

- i. Memastikan setiap staf mematuhi undang-undang, peraturan, dasar serta garis panduan yang berkuat kuasa;
- ii. Menjadi rujukan dalam pelaksanaan tugas secara telus, berakauntabiliti dan berintegriti;
- iii. Menyokong amalan tadbir urus yang baik dalam organisasi; dan
- iv. Mencegah salah laku serta mengurangkan risiko pelanggaran integriti.

#### 4.2.2 Pembudayaan Nilai dan Integriti

- i. Membentuk dan memperkukuh budaya kerja berteraskan nilai murni dan akhlak terpuji;
- ii. Menggalakkan penghayatan integriti dalam setiap aspek pelaksanaan tugas; dan
- iii. Memupuk sikap profesionalisme dalam kalangan staf.

#### 4.3 SKOP KOD NILAI DAN ETIKA STAF

Kod Nilai dan Etika ini terpakai kepada seluruh warga Universiti merangkumi Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Akademik, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

### 5. NILAI TERAS USIM (AL-QAWIYY AL-AMIN)

Nilai Teras *Al-Qawiyy Al-Amin* disasarkan untuk dibudayakan dalam kalangan seluruh staf USIM sebagai teras dalam memperkasakan kualiti Universiti. Pembudayaan ini bermula melalui pembentukan sikap yang berlandaskan penerapan nilai-nilai murni, etika kerja yang tinggi serta amalan profesionalisme. Terdapat lima (5) elemen utama dalam Nilai Teras USIM seperti yang berikut:



## PROFESIONAL

Definisi	Profesional berasaskan kemampuan atau kemahiran yang khusus untuk melaksanakannya
Keterangan	Profesionalisme adalah tahap kecekapan, akauntabiliti dan tanggungjawab yang seharusnya didukung oleh seseorang profesional tersebut

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am: 135

قُلْ يَقَوْمِ اعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَاتِبِكُمْ إِنِّي عَامِلٌ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَنْ تَكُونُ  
لَهُ عَاقِبَةُ الدَّارِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿١٣٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai kaumku (yang masih kafir), buatlah sedaya upaya kamu (untuk menentang Islam), sesungguhnya aku juga tetap beramal (berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Islam); kemudian kamu akan ketahui siapakah yang akan beroleh kebaikan dan kejayaan di dunia ini. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan berjaya".

Ayat ini menegaskan prinsip **tanggungjawab berasaskan peranan**. Setiap individu dinilai bukan pada perbandingan dengan orang lain, tetapi pada sejauh mana dia melaksanakan amanah sesuai dengan kedudukannya. Dalam konteks profesionalisme, setiap kakitangan dinilai berdasarkan **skop tugas, kuasa, dan mandat jawatan** masing-masing. Prestasi kerja bukan sekadar memenuhi arahan, tetapi menunjukkan kesungguhan, integriti, dan akauntabiliti. Kejayaan sebenar diukur melalui **kesan jangka panjang**, bukan pencapaian segera atau pengiktirafan luaran. Ini selari dengan prinsip profesional moden, bekerja dengan standard tinggi walaupun tanpa pengawasan langsung oleh Ketua Jabatan.

Allah juga berfirman Allah SWT dalam Surah al-Isra': 84

قُلْ كُلٌّ يَعْمَلُ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِ ۗ فَرَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَىٰ سَبِيلًا ﴿٨٤﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Tiap-tiap seorang beramal menurut pembawaan jiwanya sendiri; maka Tuhan Kamu lebih mengetahui siapakah (di antara kamu) yang lebih betul jalannya".

"*Shākilah*" merujuk kepada **jati diri, nilai dalaman, dan cara berfikir** seseorang. Ayat ini mengaitkan amalan luaran dengan kualiti dalaman. Dalam konteks profesionalisme ianya bukan sekadar pematuhan SOP, tetapi lahir daripada **sikap dalaman** seperti amanah, disiplin, dan kejujuran. Dua orang dengan jawatan sama boleh menunjukkan tahap profesionalisme yang berbeza, bergantung kepada nilai yang dihayati. Allah menilai **proses, niat, dan konsistensi**, bukan hanya hasil akhir.

Sabda Rasulullah SAW:

قال رسول الله عليه الصلّاة والسّلام: إنّ الله تعالى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتِمَّهُ

"Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, ia melakukannya dengan baik, sempurna dan teliti".

(Hadis Riwayat al-Baihaqi)

Bagi kakitangan Universiti, profesionalisme bukan sekadar standard kerja institusi, tetapi ibadah yang menuntut kejujuran, kesungguhan (*Itqan*), dan kesedaran bahawa setiap usaha dinilai secara adil dan menyeluruh.

## EFISIEN

Definisi	Boleh, dapat, mampu, sanggup, berkebolehan melaksanakan sesuatu kerja dengan cepat dan sempurna
Keterangan	Memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing dan melaksanakannya dengan cekap dan berkesan, di samping memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti dan mutu kerja

Firman Allah SWT dalam Surah al-Tawbah: 105

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ  
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

"Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

Setiap amalan kerja **diperhatikan, dinilai, dan dipertanggungjawabkan oleh Allah**. Kecekapan tidak diukur melalui kesibukan, tetapi melalui hasil yang jelas dan boleh dinilai. Setiap tugas perlu dilaksanakan dengan **tujuan, perancangan, dan hasil yang nyata**, bukan sekadar memenuhi rutin. Kesedaran bahawa kerja diperhatikan mendorong kakitangan bekerja secara **teratur, tepat masa, dan berimpak**. Oleh demikian, pembaziran masa, sumber, dan tenaga bercangah dengan tuntutan ayat ini kerana setiap usaha akan diperhitungkan.

Firman Allah dalam Surah al-Sharh: 7

فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ﴿٧﴾

"kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain)".

Efisien meletakkan prinsip **aliran kerja berterusan**. Efisien bukan bermaksud bekerja tanpa henti, tetapi mengurus peralihan tugas dengan terancang dan berdisiplin. Nilai efisien, menurut Al-Quran, bukan sekadar keupayaan bekerja pantas, tetapi kebolehan mengurus amanah secara tersusun, berkesan dan berterusan dengan kesedaran penuh terhadap tanggungjawab.

Nilai efisien bagi kakitangan Universiti merangkumi **akauntabiliti kerja** iaitu setiap tugas jelas objektif dan hasilnya. Selain itu, **pengurusan masa dan sumber** yang berhemah dan berimpak serta **kesedaran penilaian** dunia dan akhirat dalam setiap amanah kerja.

## ALAMIYYAH (GLOBAL)

Definisi	Mempengaruhi atau mengenai seluruh dunia, sejagat
Keterangan	memberi gambaran kesediaan USIM dan stafnya untuk meneroka pelbagai bidang di peringkat yang lebih jauh dan terkehadapan. Bersifat Alamiyyah (Global) merangkumi kemampuan <i>multilingual</i> (kepelbagaian bahasa), kebolehan <i>multicultural</i> (kepelbagaian budaya) dan bersifat sentiasa terkehadapan serta mampu menerajui perubahan

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat: 13

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)".

Allah juga berfirman dalam Surah al-Rum: 22

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْيَالُ السِّنِّكُمْ وَالْوَنُكُورُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan".

Ayat ini menegaskan kepelbagaian bahasa dan latar budaya sebagai **tanda kebesaran Allah**, bukan halangan, tetapi sumber kekuatan dan kemajuan kepada umat Islam. Alamiyyah juga boleh mengangkat konsep **ta'aruf** iaitu interaksi aktif, keterbukaan, dan pembelajaran merentas sempadan, malah meletakkan **nilai, kepimpinan dan kualiti insan** sebagai asas keunggulan, bukan geografi atau identiti sempit. Perkara ini adalah selari dengan aspirasi USIM untuk melahirkan warga akademik yang **multilingual, multicultural, dan terkehadapan** dalam menerajui perubahan global.

## AMANAH

Definisi	Amanat sesuatu yang dipercayakan kepada orang, kepercayaan yang diletakkan kepada seseorang, boleh dipercayai, jujur
Keterangan	Menjalankan tugas dan tanggungjawab berdasarkan kepercayaan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigit dan ikhlas

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa': 58

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baik kepada kamu, sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat".

Ayat ini mengandungi dua perintah utama iaitu **menyerahkan amanah kepada ahlinya dan melaksanakan keputusan dan penilaian dengan adil**. Amanah dalam ayat ini tidak terhad kepada harta, tetapi merangkumi **jawatan, kuasa, ilmu, maklumat, masa, dan tanggungjawab membuat keputusan**. Setiap amanah mesti diberikan dan dilaksanakan oleh mereka yang layak, berkeupayaan, dan berintegriti.

Sabda Rasulullah SAW:

قال: لا إيمان لمن لا أمانة له، ولا دين لمن لا عهد له

"Tidak sempurna keimanan bagi orang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama bagi yang tidak memenuhi janji".

(Hadis Riwayat Ahmad)

Pernyataan "tidak sempurna keimanan" dan "tidak sempurna agama" tidak bermaksud iman terhapus, tetapi menunjukkan **kecacatan serius dalam penghayatan iman**. Amanah dan menepati janji ialah bukti zahir bahawa iman benar-benar hidup dalam diri seseorang. Apabila amanah diabaikan, iman wujud secara lafaz, tetapi lemah dalam amalan. Amanah bukan sekadar nilai peribadi, tetapi asas kepada kredibiliti, kepercayaan, dan kelestarian institusi universiti.

## MUAFAKAT

Definisi	Hubungan, tali persaudaraan dalam kekeluargaan dan persahabatan
Keterangan	Berusaha menjalin hubungan permuafakatan atau kerjasama erat sesama rakan sekerja yang mendorong kepada memudahkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa': 1

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴾

"wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu".

Ayat ini menggariskan tiga prinsip utama iaitu **asal-usul yang sama** dikalangan seluruh manusia iaitu berasal daripada satu sumber, **hubungan yang saling** memerlukan kerjasama dan jaringan hubungan, serta **tanggungjawab memelihara hubungan** silaturahim. Menjadi tuntutan ke atas setiap kakitangan Universiti untuk mewujudkan kesatuan warga kerana walaupun berbeza peranan, pangkat, dan kepakaran, semua warga universiti berkongsi **tujuan dan amanah institusi yang sama**. Muafakat ialah asas kestabilan, keharmonian, dan kecemerlangan sesebuah universiti.

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ

"Barangsiapa yang ingin diluaskan rezekinya serta dipanjangkan usianya, maka hendaklah dia menyambung pertalian silaturrahim".

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Muslim)

Sifat muafakat mencerminkan wujudnya kerjasama dan semangat berpasukan dalam sebuah organisasi. Sifat muafakat dan kerjasama ini penting dalam organisasi serta menyumbang kepada persefahaman antara staf dan organisasi yang boleh memberi nilai tambah kepada organisasi. Segala masalah perlu diselesaikan secara muafakat kerana muafakat membawa berkat. Muafakat yang ingin dibina di USIM adalah yang berteraskan konsep syura.

## 6. NILAI KEMBANGAN USIM (BUDAYA KERJA HO-REN-SO KIZUNA)

Sebagai salah satu usaha membugarkan kesedaran dalam kalangan staf untuk meningkatkan penghayatan dan pembudayaan nilai-nilai teras USIM *Al-Qawiyy Al-Amin*, amalan konsep "Ho-Ren-So" telah dicetuskan oleh YBhg. Naib Canselor yang berinspirasi daripada budaya kerja masyarakat Jepun.



**(HO) HOUKOKU = LAPOR:** Melaporkan hasil perbincangan atau mesyuarat yang dihadiri atau diwakili, kemajuan kerja, perubahan perancangan dan isu secara bersemuka atau bertulis kepada penyelia dan ketua pada kadar segera.

**(REN) RENRAKU = KONGSI:** Mengongsi maklumat hasil perbincangan atau mesyuarat atau arahan daripada penyelia atau ketua dengan rakan sekerja sebelum memuktamadkan sesuatu keputusan atau memulakan sesuatu tindakan.

**(SO) SOUDAN = RUNDING:** Merunding rakan sekerja, penyelia dan ketua untuk mengenal pasti kaedah terbaik dalam pelaksanaan sesuatu tugas atau menyelesaikan sesuatu isu secara berkesan.

## 7. ETIKA PELAKSANAAN TUGAS

Etika pelaksanaan tugas yang perlu dipatuhi oleh warga Universiti semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

### 7.1 KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN MAKLUMAT

Setiap staf USIM hendaklah pada bila-bila masa memahami dan mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan yang berkaitan dengan keselamatan maklumat dan dokumen terperingkat selaras dengan Panduan Arahan Keselamatan, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Garis Panduan Pengurusan Rekod Rahsia Rasmi USIM sebagaimana berikut:

- 7.1.1 Menyelenggarakan dan menyimpan semua fail, maklumat dan dokumen Universiti, termasuk dokumen-dokumen rahsia rasmi secara sistematik;
- 7.1.2 Memastikan semua fail, maklumat dan dokumen Universiti, termasuk dokumen-dokumen rahsia rasmi sentiasa terpelihara dan disimpan di tempat yang selamat sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Keselamatan Kerajaan;
- 7.1.3 Tidak berkelakuan cuai sehingga boleh membahayakan keselamatan atau menyebabkan terdedahnya sesuatu maklumat atau dokumen rahsia rasmi;
- 7.1.4 Tidak mendedahkan apa-apa maklumat rahsia rasmi dengan apa cara sekalipun kepada mana-mana orang yang tidak berhak memperolehnya sama ada semasa atau selepas berkhidmat dengan Universiti ini;
- 7.1.5 Tidak membuat salinan atau menggunakan mana-mana dokumen rahsia rasmi dengan apa cara jua pun untuk kepentingan peribadi kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan; dan
- 7.1.6 Mana-mana staf Universiti yang akan bersara dikehendaki menyerahkan semua dokumen rahsia rasmi yang ada padanya kepada Ketua Jabatan selaras dengan kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 tanpa menunggu arahan untuk berbuat demikian.

## 7.2 PEMATUHAN PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

- 7.2.1 **PEMATUHAN UNDANG-UNDANG** – Semua staf hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan, polisi serta pekeliling yang ditetapkan dan dikuatkuasakan oleh Universiti sebagaimana yang terkandung dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] serta undang-undang lain yang terpakai di Malaysia. Pelanggaran mana-mana peraturan, polisi serta pekeliling oleh staf Universiti, membolehkan pihak Universiti mengambil tindakan tatatertib ke atasnya berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].
- 7.2.2 **JENAYAH** – Semua staf hendaklah memastikan dirinya tidak terlibat dengan jenayah yang akan mencemar nama baik Universiti seperti terlibat dengan dadah, mencuri dan kesalahan-kesalahan berkaitan rasuah.
- 7.2.3 **PERNYATAAN AWAM** – Semua staf dilarang dan ditegah membuat apa-apa pernyataan awam atau ulasan termasuk dengan menggunakan media sosial yang boleh memudaratkan, menyatakan perkara-perkara atau maklumat yang diklasifikasikan sebagai SULIT atau memalukan atau memburukkan nama baik dan reputasi Kerajaan/Universiti/individu lain. Mana-mana staf yang melanggar peruntukan ini boleh diambil tindakan tatatertib berdasarkan undang-undang, akta dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- 7.2.4 **PENGLIBATAN DALAM POLITIK** – Semua staf daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah memastikan diri masing-masing tidak bergiat secara aktif dalam bidang politik di antara lain yang menuntut mereka untuk bertanding dan memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik. Staf Kumpulan Pelaksana boleh terlibat dengan politik selepas mendapat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pengarah Universiti.
- 7.2.5 **GANGGUAN SEKSUAL/HUBUNGAN TERLARANG** - Gangguan seksual merupakan apa-apa kelakuan tidak diingini yang bersifat seksual dalam apa-apa bentuk, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnyanya menyinggung atau menghina atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya. Semua staf perlu menjaga batasan dan tatasusila sepanjang masa dengan tidak mengadakan hubungan terlarang atau sebarang hubungan yang bersifat skandal atau tidak bermoral di tempat kerja sesama staf atau pelajar.
- 7.2.6 **PERISYTIHARAN HARTA** - Staf diwajibkan mengisytiharkan harta sekali dalam tempoh 5 tahun atau apabila diarahkan/dikehendaki oleh Universiti.
- 7.2.7 **PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH/KERAIAN** - Staf dilarang daripada memberi atau menerima hadiah/keraian sekiranya berkaitan dengan tugas rasminya dan/atau bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud nilai hadiah itu diberikan.
- 7.2.8 **KONFLIK KEPENTINGAN** – Semua staf hendaklah memastikan dirinya tidak terlibat dengan sebarang perbuatan yang membelakangkan kewajipannya kepada Universiti demi kepentingan peribadi. Bahagian II, Peraturan 3 (2) (a), (b) dan (c), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) memperuntukkan seperti berikut:

Seseorang pegawai tidak boleh:

- i. membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;

- ii. berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;
- iii. berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa:
  - a. dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau
  - b. dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri.

7.2.9 **SUAPAN** – Semua staf hendaklah memastikan dirinya tidak terlibat dengan sebarang perbuatan suapan.

- i. Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan kesalahan ke atas mana-mana pegawai awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk mendapatkan atau menjanjikan apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya, saudaranya atau sekutunya.
- ii. Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) memperincikan tafsiran saudara seperti berikut:
  - a. Isteri atau suami orang itu;
  - b. adik atau abang atau kakak orang itu;
  - c. adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
  - d. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah orang itu;
  - e. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
  - f. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perkara (b);
  - g. bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; dan
  - h. menantu orang itu.
- iii. Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperincikan tafsiran sekutu sebagaimana berikut:
  - a. mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
  - b. mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
  - c. mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
  - d. mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
  - e. pemegang amanah mana-mana amanah, jika -

- (i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
- (ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.

- 7.2.10 **PENGARUH LUAR** – Semua staf tidak boleh membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh luar atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap Universiti, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain Universiti. Tuntutan yang dimaksudkan meliputi sokongan daripada mana-mana pihak yang berpengaruh bagi urusan kenaikan pangkat, urusan pertukaran tempat bertugas, permohonan biasiswa atau lain-lain urusan yang bertujuan untuk mempengaruhi keputusan Universiti.
- 7.2.11 **KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS** – Semua staf dikehendaki memastikan dirinya tidak berada dalam keterhutangan kewangan yang serius sehingga memburukkan nama baik Universiti.
- 7.2.12 **TAJAJAN LUAR** – Semua staf hendaklah memastikan tajaan yang diterima daripada pihak luar sama ada berbentuk hubungan profesional atau tidak, yang diberikan untuk menjayakan program di jabatan atau bagi menghadiri seminar/bengkel/persidangan, perlu melalui dan mendapatkan kelulusan daripada Naib Canselor dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 7.2.13 **MENINGGALKAN PEJABAT DALAM WAKTU BEKERJA** – Semua staf perlu mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa berkaitan kehadiran dan keberadaan di pejabat.
- 7.2.14 **PEMALSUAN DOKUMEN** - Perbuatan mengemukakan dokumen dan tuntutan palsu merupakan satu kesalahan jenayah. Pemalsuan dokumen merangkumi sijil cuti sakit, resit palsu, slip gaji dan lain-lain dokumen rasmi Universiti. Menyalahgunakan kepala surat jabatan untuk tujuan peribadi dan memalsukan butiran di dalam surat berkenaan juga merupakan kesalahan jenayah.
- 7.2.15 **PEMATUHAN KEPADA PROSEDUR KEWANGAN** – Semua staf perlu mematuhi peraturan dan prosedur kewangan yang sedang berkuat kuasa. Sebarang keputusan berkaitan kewangan yang dibuat hendaklah demi kepentingan Universiti dan tiada konflik kepentingan.
- 7.2.16 **PENYEBARAN MAKLUMAT YANG TIDAK DAPAT DITENTUKAN KESAHIHANNYA** - Fitnah didefinisikan sebagai perbuatan yang boleh merendahkan diri seseorang pada mata masyarakat; tindakan yang boleh menyebabkan seseorang dicemuh, dihina, dibenci, dan dikeji; perlakuan yang boleh merosakkan reputasi dalam jawatan, profesion, dan perniagaan seseorang; dan bertujuan merosakkan kredibiliti seseorang (Akta Fitnah 1957). Universiti berhak mengambil tindakan terhadap sebarang bentuk penyebaran maklumat yang tidak benar atau fitnah yang dilemparkan serta sebarang bentuk informasi yang mencemar imej atau nama Universiti, staf dan pelajar (Garis Panduan Media Sosial dan Aplikasi Permesejan Atas Talian USIM, 2020).

### **7.3 PELAKSANAAN TUGAS AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN**

- 7.3.1 **URUSAN AKADEMIK** – Staf akademik perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab akademik yang diamanahkan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan (Beban Tugas Amanah) termasuk agihan mengikut empat kategori tugas iaitu (i) pengajaran, (ii) penyeliaan, (iii) penyelidikan, penerbitan dan perundingan serta (iv) perkhidmatan dan pentadbiran.
- 7.3.2 **URUSAN PENYELIDIKAN** - Penyelidikan beretika perlu diamalkan untuk menghasilkan penyelidikan yang asli dan berkualiti. Penyelidikan perlu berpandukan kepada budaya penyelidikan yang baik dengan menjalankan penyelidikan secara jujur dan berintegriti, menghormati subjek penyelidikan (manusia, haiwan dan persekitaran) yang digunakan, menggunakan dana secara berhemah dan mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan.

## 8. KOMITMEN WARGA UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



### IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Kami yang telah dilantik berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia berikrar bahawa semasa dan selagi kami berkhidmat dengan Kerajaan, kami akan patuh dengan mengamalkan teras-teras perkhidmatan semasa menjalankan tugas. Kami dengan cara ini:

1. Berazam meningkatkan mutu perkhidmatan;
2. Bekerja dengan penuh tanggungjawab;
3. Berusaha mengikis sikap mementingkan diri;
4. Berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan;
5. Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara;
6. Bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara; dan
7. Berpegang teguh pada ajaran agama.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

## IKRAR INTEGRITI

Kami, warga USIM, berikrar dan berjanji bahawa dengan rela hati akan mempertahankan dan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan yang berikut:

1. Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
2. Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan pada amalan rasuah;
3. Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika kementerian;
4. Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
5. Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan
6. Mematuhi sepenuhnya kod etika kementerian dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.



## **IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) (CORRUPTION FREE PLEDGE)**

Bahawa saya adalah dengan sesungguhnya dan suci hati berikrar sepanjang perkhidmatan saya dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjanji:

1. Saya akan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
2. Saya akan membenci dan menolak sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan dan salah guna kuasa;
3. Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
4. Saya akan memastikan kakitangan di bawah seliaan saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa jua urusan berkaitan dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan;
5. Saya akan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan seberapa segera sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau kakitangan di bawah seliaan saya.

Tandatangan  
Nama  
No Kad Pengenalan  
Jawatan Hakiki  
Tarikh

Disaksikan oleh  
Tandatangan  
Nama  
No Kad Pengenalan  
Jawatan Hakiki  
Tarikh

## AKUAN PEMATUHAN

Saya.....  
.....(*nama penuh dengan huruf besar*) No. Kad  
Pengenalan.....Jawatan.....  
Gred.....

Dengan ini, mengaku telah membaca, memahami dan akan mematuhi Kod Nilai dan Etika Staf USIM. Keengganan dan kegagalan saya mematuhi Kod Nilai dan Etika Staf USIM ini tanpa alasan yang munasabah boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

.....  
**(Tandatangan Pegawai)**

Tarikh:

Disaksikan oleh:

.....  
**(Tandatangan Ketua Jabatan)**

Nama:

Tarikh:

## **9. PENUTUP**

Setiap warga USIM perlu menghayati dan mengamalkan prinsip Kod Nilai dan Etika ini bersama-sama peraturan, dasar dan garis panduan Universiti. Penghayatan dan pengamalan ini bukan sahaja membantu warga USIM bertindak secara beretika, tetapi juga mencerminkan nilai yang diharapkan oleh pelanggan, pemilik taruh dan masyarakat umum.

Kod Nilai dan Etika ini diharapkan dapat menyemai rasa tanggungjawab, disiplin diri, komitmen, serta meningkatkan kebolehan dan keupayaan seluruh warga USIM. Dengan itu, kita dapat menghasilkan kualiti kerja dan perkhidmatan dengan penuh berintegriti, sekali gus menjaga imej dan nama baik USIM di peringkat negara dan antarabangsa.

## 10. PENGHARGAAN

Pejabat Integriti, Universiti Sains Islam Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan Buku Kod Nilai dan Etika ini. Sumbangan idea, masa dan komitmen yang diberikan oleh pasukan ini amat dihargai. Semoga usaha murni ini menjadi panduan dan rujukan yang berterusan dalam membentuk budaya kerja beretika, berintegriti dan berakhlak mulia di USIM.

En. Mohd Asri Hj. Husain  
Pengarah

Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Pn. Yuhani Jamiran  
Ketua Jabatan  
Jabatan Undang-undang

Cik Nor Hayati Adam  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Integriti dan Pematuhan Syariah  
Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Pn. Siti Noor Izyani Zalilah Sulaiman  
Ketua Bahagian  
Bahagian Governan dan Pentadbiran  
Jabatan Pendaftar

Pn. Nur Sakeenah Shahrome  
Ketua Seksyen Integriti  
Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Pn. Al'Uyuna Mohd Amin  
Ketua Seksyen Pematuhan Syariah  
Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Cik Sharifah Norabidzah Nurul Aida Syed Saaid  
Ketua Seksyen Latihan dan Pembangunan  
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
Jabatan Pendaftar

Pn. Nur Syazwani Muhamad Saupi  
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)  
Seksyen Integriti  
Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

### **Nota:**

*Pejabat Integriti telah diluluskan sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkuat kuasa pada 1 November 2025 manakala Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SCIROSH) telah distrukturkan kepada Pusat Pematuhan Syariah, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (I-ROSH) berkuat kuasa pada tarikh yang sama.*



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Pejabat Integriti  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan

<https://integriti.usim.edu.my/>  
[integriti@usim.edu.my](mailto:integriti@usim.edu.my)